



SIARAN MEDIA

KPKT LULUS RM4.58 JUTA BAGI MENINGKATKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN SOSIO EKONOMI PENDUDUK GERIK, PERAK

GERIK, 22 April 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM4.58 juta** kepada penduduk Gerik ketika menyempurnakan **Majlis Perasmian Pintu Gerbang Kampung Baru Batu Dua, Daerah Gerik, Perak** dalam lawatan kerja bersempena Program Sentuhan Kasih KPKT ke Gerik pada pagi ini.

Dalam lawatan tersebut, YB KM telah turun padang meninjau Kampung Air Kala, Pasar Awam Gerik, Kampung Baru Batu Dua dan Kampung Kuala Rui bagi projek BP.1 di bawah Majlis Daerah Gerik (MDG) dan Projek Kampung Baru Cina untuk menambah baik infrastruktur awam dan kerja-kerja pengindahan kawasan.

Peruntukan sebanyak RM4.58 juta tersebut meliputi **22 buah projek** yang akan dilaksanakan oleh Majlis Daerah Gerik dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK). Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1.7 juta** (7 projek) disalurkan kepada MDG manakala **RM2.88 juta** (15 projek) disalurkan kepada JPKK di **Daerah Lenggong, Daerah Gerik dan Daerah Pengkalan Hulu** bagi pelaksanaan projek-projek seperti;

1. Menyelenggara dan membaik pulih Pasar Awam Gerik;
2. Kerja - kerja pembaikan longkang lama berhampiran Gerai Makan MDG Kampung Baru Batu Dua, Gerik;
3. Menaik taraf tapak Pasar Malam Gerik;
4. Kerja – kerja menaik taraf dua (2) unit kolam takungan di Skim Perumahan Taman Angsana (Fasa 2);

5. Kerja - kerja menaik taraf satu (1) unit kolam takungan di Skim Perumahan Taman Seri Kiara;
6. Menyelenggara kolam - kolam takungan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
7. Membina baharu dua (2) unit gerai tidak halal di Medan Selera (Medan Takong 1); dan lain-lain.

Menurut YB KM, “Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini adalah **belanjawan berasaskan prestasi** atau “**performance-based budget**”. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan di Daerah Gerik, Lenggong dan Pengkalan Hulu demi kesejahteraan dan kesejahteraan penduduk setempat.”

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan PBT di seluruh negara bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

